



HADIR: Dr. Asits (empat kanan) ketika hadir dalam persidangan berkenaan.

# Ahli Farmasi perlu pastikan ubat di pasaran selamat

UB 26.08.2024 P.04

Oleh Hamzah Sanudin

**KOTA KINABALU:** Persidangan Farmasi Negeri Sabah ke-35 yang bertemakan 'Innovatif Today for Tomorrow's Healthcare: Shaping the Future of Pharmacy' diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr. Asits Sanna berkata, peranan ahli farmasi dalam pelbagai aspek penjagaan kesihatan masyarakat sangat penting.

Katanya, ia termasuklah menguruskan penjagaan

kesihatan, memastikan pengedaran dan penggunaan ubat-ubatan yang selamat dan menguatkuasakan penyuatuasaan bekalan ubat di pasaran.

"Ahli farmasi digalakkan supaya terus berusaha memberikan impak positif kepada orang ramai dan memajukan profesion farmasi.

"Ahli Farmasi juga berperanan memastikan penyimpanan ubat-ubatan yang betul terutamanya mengekalkan kawalan suhu yang betul," katanya.

Menurutnya, unit pen-

guatuasaan di Sabah terdiri ahli farmasi akan memastikan ubat-ubatan dan suplemen yang terdapat di pasaran adalah sah serta bebas dari pada bahan palsu.

"Peniaga yang memasarkan produk kesihatan di media sosial perlu memberikan maklumat tepat kepada orang ramai dan mematuhi undang-undang yang diiklankan.

"Saya berharap penjualan ubat haram dalam talian dapat dibendung melalui Unit Penguatkuasaan Farmasi," katanya.